

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [ KANOWIT ]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK AARON AGO DAGANG [ KANOWIT ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan jumlah peruntukan dan bantuan subsidi tahun 2019 untuk pekebun kecil (sawit, getah, lada, koko) di seluruh negara dan di Sarawak (tidak termasuk FELDA, RISDA, SALCRA). Berapakah jumlah pekebun kecil yang mendapat bantuan subsidi ini mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat beberapa insentif dan bantuan yang telah disediakan kepada pekebun kecil oleh pihak Kerajaan. Insentif dan bantuan yang telah diberikan kepada pekebun kecil sawit dan getah adalah seperti berikut:

- (i) bantuan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil Persendirian (TBSPK) dengan geran peruntukan berjumlah RM20 juta dan melibatkan seramai 4,765 orang pekebun kecil seluruh Malaysia;
- (ii) bantuan skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) dengan peruntukan sebanyak RM10.7 juta dan melibatkan seramai 215 orang pekebun kecil sehingga 30 September 2019;
- (iii) bantuan skim pemerksaan pekebun kecil bagi pembinaan pusat timbang buah tandan segar (BTS) di bawah selian Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM13 juta. Pada tahun 2019, RM3.5 juta dana telah disalurkan bagi skim ini. Pihak Kerajaan juga telah memperuntukkan skim modal pusingan

## SOALAN NO : 14

sebanyak RM1 juta bagi 10 pusat timbang dengan kadar RM100,000 bagi setiap pusat timbang. Sehingga Mei 2019, seramai 5,243 pekebun kecil yang menjadi ahli KPSM telah menerima manfaat pelaksanaan skim ini;

- (iv) bantuan pembelian mesin CANTAS iaitu alat bermotor penuai BTS sawit dengan peruntukan sebanyak RM1,000 bagi pembelian setiap satu unit CANTAS. Sehingga kini, sebanyak 4,808 unit CANTAS telah dijual melibatkan peruntukan sebanyak RM4.8 juta;
- (v) bantuan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang merangkumi bantuan kos yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri (PPE) dan pembinaan rak bahan kimia. Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan ini adalah sebanyak RM33.6 juta dan melibatkan seramai 16,000 orang pekebun kecil;
- (vi) bantuan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) berjumlah RM71.37 juta yang telah memberi manfaat kepada 90,208 pekebun kecil; dan
- (vii) bantuan tanam baru getah di bawah Projek Berimpak Tinggi (HIP) berjumlah RM8.25 juta dan RM19.18 juta di bawah peruntukan RMK-10 dan RMK-11. Bantuan ini telah diterima oleh 19,121 pekebun kecil getah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2019, Kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) menyalurkan peruntukan untuk pelbagai bentuk bantuan seperti input dan peralatan pertanian, latihan serta kursus kepada pekebun lada di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Baharu Lada yang melibatkan peruntukan sebanyak RM10 juta. Bilangan pekebun kecil yang mendapat bantuan bagi tahun 2019 adalah seramai 5,723 orang.

Manakala bagi komoditi koko pula, Lembaga Koko Malaysia (LKM) menyalurkan bantuan melalui program pembangunan rantai kluster koko berjumlah RM15.96 juta dan melibatkan seramai 1,862 pekebun kecil koko. Selain itu, seramai 3,373 pekebun kecil juga telah menerima bantuan melalui program peningkatan produktiviti koko dengan jumlah peruntukan sebanyak RM7.55 juta. Sekian terima kasih.

**JUMLAH PERUNTUKAN BANTUAN SUBSIDI YANG DITERIMA OLEH  
PEKEBUN KECIL MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2019**

Negeri/Komoditi	Sawit			Getah	Lada	Koko	
	TBSPK	ITa	ITe				MSPO
Johor	121	377	63	9,911	4,683	13	812
Kedah		11	4		10,760	3	
Kelantan		4	12		22,368	2	
Melaka		26	4		2,149	1	
Negeri sembilan		63	4		3,324	-	
Pahang		74	55		7,926	-	
Perak		261	22		3,039	7	
Perlis		0	-		419	-	
Pulau pinang		1	-		24	1	
Selangor		97	6		271	-	
Terengganu		14	3		3,435	2	
Sarawak	516	143	10	4,166	650	5,581	1,170
Sabah	135	70	32	1,979	31,160	113	3,044
<b>Jumlah</b>	<b>772</b>	<b>1,141</b>	<b>215</b>	<b>16,056</b>	<b>90,208</b>	<b>5,723</b>	<b>5,026</b>